

Penduduk kecam kebanjiran warga asing

2-11 20/04/08 MS 3



SAHARUDDIN AWANG YAHYA


Terdapat segelintir warga tempatan yang bertindak menyewakan rumah mereka kepada warga asing dan ini membuka jalan kepada mereka untuk terus menetap di sini.

■ MARINA SAHABUDIN

AMPANG – Kebanjiran warga asing bukanlah satu perkara yang luar biasa bagi masyarakat di sini terutamanya di Bandar Baru Ampang, Kampung Pandan, Kampung Cheras Baru, Taman Bukit Permai, Taman Seri Nilam serta kawasan lain yang boleh dikatakan dimonopoli oleh mereka.

Hasil tinjauan mendapati, terdapat banyak kedai runcit yang diusahakan oleh mereka dan apa yang menjadi persoalan, bagaimana mereka boleh membuka perniagaan sedangkan mereka sepatutnya mendapatkan kelulusan daripada pihak berwajib.

Menurut seorang penduduk di Taman Seri Nilam, Mohd Asri Isa, 45, dia berasa bagaikan berada di Indonesia ketika keluar daripada ru-



Deretan rumah kedai yang dipercayai disewa oleh warga asing.

mah. “Saya sendiri bimbang kerana kedatangan mereka ke sini bukan sahaja boleh menjejaskan ekonomi negara tetapi turut menyumbangkan jenayah dan menjebaskan keselamatan negara.

“Mereka melakukan perbuatan tidak bermoral antaranya mengganggu rumah tangga orang, mengacau anak-anak gadis dan lain-lain lagi. Saya pe-

lik kenapa ada antara penduduk yang menyewakan rumah kepada mereka dan ini membuka jalan supaya lebih ramai warga asing datang seterusnya menetap di sini,” katanya.

Menurut Pengerusi Pusat Khidmat Masyarakat Malaysia (PKMM), Datuk Paduka Saharuddin Awang Yahya, terdapat juga rumah-rumah urut yang diusahakan oleh mereka di kawasan Pandan Indah.

“Apa yang saya nampak, mereka turut memberikan perkhidmatan lain kepada pelanggan untuk mendapatkan pulangan yang lebih lumayan. Selain itu, ada pengusaha rumah urut di sini yang tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak berwajib.

“Ini tidak baik untuk masyarakat sekeliling serta boleh memberikan tanggapan yang

buruk kepada pelancong dari luar negara. Kegagalan menangani masalah ini bukan sahaja mendatangkan kesusahan kepada rakyat dan negara malah kepada negara yang memerintah,” katanya.

Tambahnya, sejak kebelakangan ini mereka semakin berani melakukan perkara yang tidak baik kepada masyarakat tempatan apabila menyedari rakan sepejuangan mereka sudah ramai di sini.

“Oleh itu saya meminta pihak berkuasa tempatan membuat pemantauan dan mengambil tindakan secepat mungkin bagi memastikan masalah ini dapat dikawal,” katanya.

Sekiranya masih tiada tindakan ketat diambil oleh pihak berkuasa, keadaan ini mungkin semakin teruk dan tidak mustahil Malaysia akan dipenuhi warga asing pada masa hadapan.